

## Reaksi Intelektual Muslim Surabaya Terhadap Gerakan Kristian Ortodoks Syria di Indonesia

Surabaya Intellectual Muslims' Reaction towards the Syrian Orthodox Christian Movement in Indonesia

MU'ALIM  
JAFFARY AWANG

### ABSTRAK

*Gerakan Ortodok Syria di Indonesia merupakan satu fenomena gerakan Kristianisasi. Pendekatannya yang mirip kepada gerakan misionari terkini dilihat sebagai satu cabaran terhadap umat Islam Indonesia. Gerakan ini digerakkan melalui institusi yang kelihatan terancang iaitu Institute for Syriac Christian Studies yang terletak di Surabaya, Indonesia. Sifat dinamik intelektual Muslim Indonesia bertindak mengemukakan respon terhadap gerakan Kristian Ortodok Syria melalui penulisan dan wacana. Artikel ini akan membincangkan pendekatan, isu persoalan yang dikemukakan oleh intelektual Muslim, implikasi terhadap hubungan antara Muslim dan Kristian dalam konteks Indonesia. Dalam menganalisis fenomena ini, artikel ini menggunakan pendekatan analisis kandungan yang berdasarkan kepada penulisan intelektual Muslim Indonesia melalui buku, akhbar dan majalah. Artikel ini merumuskan cabaran Kristianisasi di Indonesia menuntut kalangan intelektual Muslim mempersiapkan dengan pengetahuan berkaitan Kristian Ortodok Syria dan pemikiran yang baik dalam mendepani gerakan Kristian Ortodok Syria.*

Kata Kunci: Intelektual Muslim, Kristian Ortodok, Kristianisasi

### ABSTRACT

*The Orthodox Syrian movement in Indonesia is a phenomenon of Christianization. The approach of this missionary is a challenge towards the Indonesian Muslim. This movement is initiated by the Institute for Syriac Christian Studies located at Surabaya, Indonesia. The Indonesian Muslims have responded towards the Christian Orthodox movement via writings and discourses. This article will discuss the approaches, the main issues which are argued by Muslim intellectuals and the implication towards the relationship between Muslims and Christians in Indonesia. In analysing this phenomenon, the writer use the content analysis approach which is largely based on Indonesian Muslim intellectuals' writings in books, newspaper and magazines. This article has concluded that the Indonesian Muslim intellectuals must have a knowledge on Christian Orthodox Syrian and to face a Christianization movement in Indonesia which is led by the Christian Orthodox Syrian Movement.*

Keywords: Muslim intellectuals, Christian Orthodox, Christianization

### PENDAHULUAN

Kristian Ortodoks Syria atau disebut juga sebagai Kanisah Ortodoks Syria (KOS) merupakan salah satu aliran dalam agama Kristian yang berpusat di Damascus, Syria. Aliran ini bukan sahaja berbeza dengan aliran Kristian Katolik dan aliran Kristian Protestant, malah ianya mendakwa sebagai pengikut ajaran Kristian yang sebenar. Selain itu ianya juga mendakwa mempunyai susur galur sejarah dengan Gereja Antioch iaitu salah satu kumpulan Kristian kuno yang wujud pada awal perkembangan agama Kristian (Joseph 2002).

Dari sudut ritualnya, Kristian Ortodoks Syria mendakwa mempunyai banyak persamaan dengan

agama Islam. Misalnya upacara ritual sembahyang dan puasa dilakukan sebagaimana orang Islam. Ketika mereka melakukan ritual sembahyang, pengikut Kristian Ortodoks Syria akan diketuai oleh imam dan maknum berbaris di belakangnya. Upacara sembahyang tersebut mempunyai gerakan berdiri, rukuk dan sujud serta menggunakan bahasa Arab di dalam setiap doa yang dibacanya. Adapun dalam Kristian Ortodoks Syria amalan sembahyang mereka dilakukan sebanyak tujuh waktu sembahyang dalam sehari (Waluyo & Utomo 1998).

Pengikut Kristian Ortodoks Syria juga melakukan ibadah puasa yang disebut dengan *saum al Kabir*. Puasa yang dilakukan oleh pengikut Kristian Ortodoks Syria adalah selama empat puluh hari

secara berterusan di dalam satu tahun iaitu bermula pada bulan April. Di samping itu terdapat puasa yang dilakukan sebanyak 2 kali di dalam satu minggu iaitu pada setiap hari Rabu dan Jumaat. Puasa ini dilakukan bagi memperingati kesengsaraan Jesus Christ (Waluyo & Utomo 1998).

Dalam konteks sejarahnya Kristian Ortodoks Syria dikatakan mempunyai hubungan yang baik dengan Islam. Hubungan itu bermula dari penaklukan negeri Syria oleh bangsa Arab Muslim. Hubungan ini menjadi semakin rapat di zaman Khalifah Umar al-Khattab hingga diberi gelaran sebagai *Faruqa* yang bermaksud “Juru Selamat” atau “Sang Pembebas.” Gelaran ini diberikan kerana orang-orang Syria (Kristian Ortodoks) menganggap Khalifah Umar al-Khattab telah menyelamatkan mereka dari tekanan kerajaan Byzantine (Tarzi tth).

Hubungan antara orang-orang Syria dengan bangsa Arab (Islam) telah mencapai kemuncaknya ketika zaman Abbasiyah. Pada masa itu umat Islam memberi layanan yang baik terhadap penganut Kristian (Ortodoks). Ini kerana Islam menganggap Injil (Bible) sebagai Kitab Suci dan Jesus Christ (Isa Al-Masih) sebagai seorang nabi. Menurut ajaran Islam, orang-orang Kristian tidak boleh dianiaya tetapi diberi keizinan untuk menjalankan agama mereka tanpa campur tangan urusan agama Islam. Mereka diberi kebebasan selagi mana mereka tunduk kepada kekuasaan Islam (Ware 2001). Hubungan yang mesra antara pengikut Kristian Ortodoks Syria dengan umat Islam ini masih terus berjalan sehingga kini. Ini jelas apabila penganut Kristian dan umat Islam boleh hidup bersama dengan mesra di negara-negara Timur Tengah (Institute for Syriac Christian Studies 2002).

Kini, para pengikut Kristian Ortodoks Syria telah tersebar ke seluruh dunia. Bukan hanya di negara-negara sekitar Syria (Timur Tengah) tetapi juga di sekitar India dan Asia. Di Indonesia, Kristian Ortodoks Syria mula diperkenalkan secara rasmi oleh Bambang Noorsena pada bulan September 1997. Sebelum itu, selama 2 tahun (1995-1997) Bambang telah melawat beberapa buah negara Timur Tengah seperti Syria, Mesir, Jordan, Lubnan, Palestin dan Israel bagi mempelajari ajaran-ajaran agama berkenaan (Anon 2009).

Bambang Noorsena telah berusaha dengan gigih di dalam memperkenalkan dan menyebarkan agama Kristian Ortodoks Syria. Harapannya, agar kehadiran agama ini boleh merapatkan hubungan antara penganut berbilang agama khasnya antara Kristian dan Islam. Walau bagaimanapun, gerakan ini telah menerima pelbagai reaksi dari masyarakat terutamanya umat

Islam di Indonesia. Ada sebahagian yang memberi sokongan, namun terdapat pula yang menentangnya. Justeru, artikel ini akan mengemukakan reaksi para intelektual Islam terhadap gerakan Kristian Ortodoks Syria di Indonesia.

#### GERAKAN KRISTIAN ORTODOKS DAN PENUBUHAN ISCS DI INDONESIA

Dalam konteks Indonesia, Kristian Ortodoks Syria mula diperkenalkan oleh Bambang Noorsena pada tahun 1997. Untuk mengembangkan lagi misi dan ajarannya, beliau telah menubuhkan Yayasan Kanisah Ortodoks Syria. Pertubuhan ini diwujudkan di Jakarta pada bulan September 1997. Tidak lama kemudiannya, pertubuhan ini bertukar kepada institut yang dikenali dengan *Institute for Syriac Christian Studies* atau ISCS (Anon 2009). Namun begitu, sehingga kini, kajian ini tidak menemui alasan yang jelas mengapa pertukaran tersebut dilakukan.

Kemunculan ISCS dengan misi menyebarkan Kristian Ortodoks Syria bermula daripada keprihatinan Bambang Noorsena terhadap hubungan yang kurang mesra antara para penganut agama di Indonesia, terutamanya antara umat Islam dengan Kristian. Selama beberapa tahun beliau tinggal di Syria dan negara-negara Timur Tengah bagi melakukan kajian terhadap Kristianiti purba terutamanya Kristian Syria dann Kristian Timur yang lain. Kajian beliau mendapati bahawa wujud banyak persamaan antara Islam dan Kristian. Ini kerana pengikut kedua-dua agama tersebut memiliki budaya dan bahasa yang sama. Selain daripada itu, sememangnya agama Islam dan Kristian serta agama Yahudi berasal daripada sumber yang sama iaitu Nabi Ibrahim (a.s.). Sebahagian sarjana menyebutkan bahawa ketiga-tiga agama ini adalah sebagai *The Abrahamic Faiths* (agama-agama Ibrahim). Sementara itu, menurut Bambang, Kristian Katolik dan Protestan yang berkembang di Indonesia masa kini telah mengalami *helenisasi* (merujuk kepada budaya Yunani) dan *westernisasi* (pembaratan) (Anon 2009).

Hubungan antara umat Islam dan Kristian di negara-negara Timur Tengah turut dilihat sangat berbeza dengan penganut kedua-dua agama di negara lain termasuklah di Indonesia. Ini kerana di negara-negara Arab, penganut Kristian dan Islam boleh hidup bersama secara mesra. Demikian pula, para tokoh agama kedua-dua agama juga saling menziarahi dan memberikan ucapan selamat antara satu sama lain. Prof. Dr. Muhammad Tantawi, seorang Syeikh dari Universiti Al-Azhar Mesir kerap menziarahi

dan beramah mesrah dengan Baba Shenouda III iaitu Pemimpin Tertinggi Geraja Ortodoks Coptic (Noorsena 2006). Begitu juga dengan Yaser Arafat yang ketika itu menjadi Presiden Palestin, setiap tahun beliau memberi ceramah di dalam perayaan *Iedul Milad* (Christmas) yang dijalankan oleh pengikut Kristian Ortodoks. Dalam ceramahnya, beliau sentiasa mengucapkan: “*Kullu amm wa antum bi khayr*” (setiap tahun kiranya anda semua sentiasa berada dalam keadaan selamat dan baik) (Noorsena, t.th).

Atas tujuan tersebut Kristian Ortodoks Syria di Indonesia melalui *Institute for Syriac Christian Studies* atau ISCS mengadakan pertemuan antara agama terutamanya antara Kristian dan Islam serta pelbagai tradisi keagamaan lain. Bagi menjayakan pendekatan tersebut, ISCS mengambil sikap terbuka dalam membincangkan isu-isu teologi. Pendekatan ini menurut Bambang pernah dilakukan Gereja-Gereja Syria terdahulu dalam membina hubungan mesra dengan Islam di Timur Tengah (Institute for Syriac Christian Studies 2002).

*Institute for Syriac Christian Studies* (ISCS) telah menjalankan pelbagai aktiviti bagi menyebarkan Kristian Ortodoks Syria kepada masyarakat awam secara meluas. Antaranya, diskusi bulanan, dialog teologi Kristian-Islam, seminar, membentuk unit pendidikan dan penerbitan, mewujudkan laman web dan menganjurkan bengkel berkaitan dengan program dialog Kristian-Islam. ISCS juga menjalankan program-program kesenian Kristian Ortodoks Syria melalui persembahan nasyid, bacaan injil dan kaligrafi. Selain itu, Bambang Noorsena sendiri juga telah mengarang beberapa buku antaranya, *Telaah kritis terhadap Injil Barnabas, asal-usul historis dan isinya* (1998), *The history of Allah* (2005), *Menuju dialog teologis Kristen-Islam* (2001) dan *Jangan sebut saudaramu kafir, seputar dakwah penginjilan & pluralitas bangsa* (2006).

#### REAKSI UMAT ISLAM TERHADAP GERAKAN KRISTIAN ORTODOKS SYRIA

Gerakan Kristian Ortodoks Syria ini mendapat pelbagai reaksi dari masyarakat, termasuklah para tokoh dan intelektual Islam. Reaksi intelektual Islam terhadap gerakan Kristian Ortodoks Syria boleh dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu pertamanya adalah kumpulan yang bersatu dan memberi sokongan, manakala kumpulan kedua pula adalah kumpulan yang menentang. Kumpulan umat Islam yang bersatu dan memberi sokongan diwakili oleh

tokoh-tokoh pluralisme agama dan yang berfahaman Islam liberal seperti Said Aqiel Siradj, Nurcholis Madjid, Jalaluddin Rahmat dan lain-lain. Sementara pihak yang menentang pula diwakili oleh tokoh-tokoh Islam fundamental seperti Qasim Nurseha dan Abu Deedat.

#### REAKSI UMAT ISLAM YANG MENYOKONG

Antara tokoh Islam yang bersatu dan memberi sokongan terhadap gerakan Kristian Ortodoks Syria di Indonesia adalah Prof. Dr. KH. Aqiel Siradj, MA iaitu tokoh intelektual Nahdlatul Ulama (NU). Nahdlatul Ulama (NU) merupakan satu pertubuhan Islam terbesar di Indonesia. Beliau pernah mengkaji tentang agama Kristian semasa pengajian program sarjana di Universiti King Abdul Aziz, Arab Saudi. Beliau mempunyai pemikiran yang bersifat bebas dan terbuka. Oleh sebab itu, sebahagian sarjana Islam mengatakan bahawa Said Aqiel Siradj adalah seorang tokoh liberal (Qomar 2002).

Said Aqiel Siradj berpandangan bahawa prinsip antara Kristian Ortodoks Syria dan Islam adalah hampir sama. Bahkan menurutnya lagi, dari aspek tauhid sama ada *tauhid rububiyyah*, *tauhid uluhiiyah* dan *tauhid asma wa sifat* menunjukkan tidak wujud perbezaan yang ketara antara kedua-dua agama tersebut (Noorsena 2001).

Sarjana Islam lain yang turut memberikan sokongan terhadap gerakan Kristian Ortodoks Syria adalah Nurcholis Madjid. Beliau adalah tokoh intelektual Islam yang sangat terkenal di Indonesia terutamanya berkaitan dengan pemikiran sekularisme dan pluralisme agama. Dalam majalah *Gatra*, beliau menyatakan bahawa semakin klasik agama Kristian itu, semakin banyaklah persamaannya dengan Islam. Oleh itu, apabila wujud puak Kristian yang mirip dengan agama Islam, itu bukanlah sesuatu perkara yang aneh. Menurut Nurcholis lagi, fahaman Kristian Ortodoks Syria adalah lebih murni berbanding Kristian yang berkembang di Barat (Anon 2009).

Pandangan Nurcholis turut disokong oleh Dr. Jalaluddin Rahmat iaitu seorang tokoh Syi'ah yang cukup terkenal di Indonesia. Menurut Jalaluddin, pada masa dahulu orang-orang Islam di Jordan, Syria dan Lubnan hidup mesra bersama penganut Kristian yang dikenali sebagai Kristian Maronit. Penganut Kristian melakukan tatacara peribadatan yang hampir sama dengan tatacara peribadatan umat Islam. Justeru itu, menurut beliau, orang Islam mestilah menghormati dan menghargai mereka (Anon 2009).

Tokoh lain yang turut memberi sokongan ialah Komarudin Hidayat. Komarudin bersetuju dengan kenyataan yang dibuat Bambang Noorsena bahawa kerukunan dan kemesraan antara umat Islam dan Kristian di negara-negara Arab berjalan dengan baik. Komarudin juga menyatakan bahawa semakin jauh umat Islam dengan zaman kecemerlangan Nabi Muhammad s.a.w., maka semakin jauhlah pemahaman mereka tentang Islam. Jadi, tidak hairanlah, jika terdapat umat Islam yang bersikap toleransi dan boleh menerima agama lain (Anon, 2009).

Selain itu, Ali Maschan Musa yang merupakan ketua Pengurus Wilayah Nahdlatul Ulama (NU) Jawa Timur juga tidak mempersoalkan kewujudan gerakan Kristian Ortodoks Syria. Musa yang juga koordinator antara agama di Jawa Timur menyatakan bahawa perbahasan berkenaan dengan persoalan dalaman sesuatu agama hendaklah diserahkan kepada penganut agama masing-masing. Perbezaan yang wujud adalah perkara biasa. Justeru itu, apa yang perlu dititikberikan ialah sikap mulia daripada penganut agama masing-masing sehingga kerukunan antara umat beragama boleh terwujud. Musa juga mengingatkan tentang cara dakwah yang dijalankan oleh para ulama terdahulu di tanah Jawa yang diberi gelaran *Wali Songo* (*Wali Sembilan*). Mereka telah menggunakan metode dakwah yang lebih tertumpu kepada pendekatan damai. Menurutnya lagi, kedudukan Pancasila sebagai asas negara Indonesia adalah muktamad di mana kedudukan tersebut bermaksud semua agama diberikan hak dan kebenaran yang sama untuk hidup dan berkembang di Indonesia (Musa, 2007).

Dariuraian di atas nampak bahawa pihak Islam yang menyokong kewujudan Kristian Ortodoks Syria mendasarkan pandangannya kepada beberapa alasan antaranya, pertama, hakikatnya kedua-dua agama yakni Kristian Ortodoks Syria dan Islam adalah hampir sama, terutamanya jika dilihat dari aspek tauhid. Kedua, ajaran Kristian Ortodoks Syria dipandang lebih murni berbanding Kristian yang berkembang di Barat (Katolik dan Protestan). Ketiga, sikap saling hormat-menghormati (toleransi) antara umat Islam dan penganut Kristian telah dicontohkan oleh generasi terdahulu. Sikap sedemikian perlu terus dikekalkan bagi terbinanya hubungan yang mesra antara para penganut agama yang berbeza. Keempat, semua agama diberikan hak dan kebenaran yang sama secara adil bagi menyebarluaskan agama masing-masing.

## REAKSI UMAT ISLAM YANG MENENTANG

Kemunculan ISCS dan ajaran Kristian Ortodoks Syria di Indonesia mendapat pelbagai tentang dari tokoh-tokoh Islam. Bentuk penentangannya berbeza-beza bermula daripada pandangan yang mengatakan Bambang Noorsena melakukan banyak kesilapan semasa menggunakan ayat-ayat bahasa Arab, mengemukakan pandangan yang menyinggung konsep-konsep Islam, gerakan Kristian Ortodoks Syria sebagai strategi Kristianisasi dan pemurtadan secara halus dan tanggapan bahawa ajaran tersebut telah mengaburi ajaran Islam. Berikut adalah huriaian terperinci mengenai pandangan tokoh-tokoh Islam yang menentang kemunculan agama Kristian Ortodoks Syria di Indonesia.

### QASIM NURSEHA DZULHADI

Qasim Nurseha Dzulhadi adalah seorang graduan Jabatan Tafsir, Fakulti Usuluddin di Universiti Al Azhar, Cairo, Mesir. Beliau cukup aktif melakukan kajian terhadap agama Kristian. Beliau juga merupakan antara sarjana Muslim yang memberi tumpuan secara serius terhadap perkembangan Kristian Ortodoks Syria di Indonesia. Hasil penulisan beliau pernah dimuatkan di dalam laman web iaitu [www.hidayatullah.com](http://www.hidayatullah.com) dan [www.swaramuslim.net](http://www.swaramuslim.net) (Nurseha 2005).

Qasim Nurseha mendakwa gerakan Kristian Ortodoks Syria yang dikembangkan oleh Bambang Noorsena adalah satu usaha penyesatan secara diplomasi terhadap masyarakat. Qasim menulis satu artikel khas yang bertajuk *Bambang Noorsena dan Penyesatan Tersembunyi*. Dalam artikel tersebut, terkandung pandangan beliau berhubung kenyataan yang dibuat oleh Bambang tentang superioriti atau keunggulan Isa Al-Masih yang dibandingkan dengan Nabi Muhammad s.a.w. menerusi idea *Nur Muhamad*. Kenyataan tersebut boleh dilihat di dalam buku Bambang Noorsena sendiri yang bertajuk *Menuju Dialog Teologis Kristen-Islam* (Nurseha 2005).

Menurut Qasim Nurseha, Bambang Noorsena banyak menggunakan ḥadīth-ḥadīth palsu (*maudu'*). Qasim Nurseha turut mengingatkan bahawa di dalam Islam terdapat banyak jenis ḥadīth bermula dari ḥadīth *sahīh*, *hasan*, *da'if*, *mu'dal*, *mu'allaq*, dan banyak lagi. Setiap ḥadīth mestilah diteliti kesahihannya. Justeru itu, para ulama telah memberikan panduan untuk mengetahui dan menilai sesuatu ḥadīth (Nurseha 2005). Antara ḥadīth palsu yang dipetik oleh Bambang Noorsena

di dalam bukunya *Dialog Teologi Kristen-Islam* yang bermaksud:

Permulaan dari ciptaan Allah adalah nur Ku, atau dalam riwayat lain sebagai ruh Ku” (Nurseha 2005).

Hadīth tersebut diambil oleh Bambang semasa menjelaskan tentang kewujudan Isa Al-Masih. Begitu juga, tokoh Eusebius al-Qaysari iaitu seorang tokoh ahli sejarah gereja (wafat tahun 340) yang memperkatakannya seperti berikut, yang bermaksud:

(Itulah Nur atau cahaya yang sudah ada sebelum alam semesta diciptakan, hikmat dan akal Ilahi yang sudah ada sebelum zaman-zaman, iaitu Firman yang hidup, yang bersama-sama dengan bapa sejak kekal. Ia adalah Allah sendiri. Karena firman itu satu-satunya yang keluar dari Allah dan pertama dilahirkan-Nya, sudah ada sebelum segala diciptakan) (Nurseha 2005).

Menurut Qasim Nurseha, ḥadīth-ḥadīth tentang “Nur Muhammad” seperti yang disebutkan di atas adalah palsu (*maudu*<sup>c</sup>) apabila dilihat dari tiga aspek iaitu dari aspek *matan*, *sanad* dan ḥadīth-ḥadīth yang serupa. Dari aspek *matan*, ḥadīth-ḥadīth tersebut sangat bertentangan dengan ayat al-Qur’ān. Antaranya di dalam Surah *Al-Anbiyā’* ayat 30 yang bermaksud: Dan dari air Kami jadikan segala sesuatu yang hidup.

Para ulama memberi kaedah bahawa setiap ḥadīth yang bertentangan dengan al-Qur’ān, maka ḥadīth itu ditolak. Beberapa ulama ḥadīth seperti Jalaluddin al-Suyuti dan Imam al-Turmudhi turut menyatakan bahawa lafaz ḥadīth tersebut tidak dikenali. Dari aspek *sanad* pula, ḥadīth-ḥadīth tersebut tidak mempunyai *sanad* yang boleh dipercayai. Dalam ilmu ḥadīth, ḥadīth yang tidak memiliki *sanad* adalah ḥadīth *maudu*<sup>c</sup> atau palsu (Nurseha 2005).

Seterusnya, dari aspek hadīth-ḥadīth yang hampir sama juga dipetik oleh Bambang Noorsena seperti *Kuntu nabiyyan wa Adamu bayn al mā’i wa al-turāb* (Aku adalah nabi ketika Adam berada antara air dan tanah), *Anā min Allah wa al-‘ālam minniy* (Aku dari Allah dan alam dariku), dan *Law laka mā khuliqa al-kaun* (Jikalau bukan karena engkau ya Muhammad, niscaya tidak kujadikan segala yang ada). Semua ḥadīth yang disebutkan di atas merupakan ḥadīth palsu (*maudu*<sup>c</sup>) (Nurseha 2005).

Dengan itu, penulisan Bambang Noorsena yang berusaha untuk membawa keunggulan Isa Al-Masih mengatasi Nabi Muhammad melalui idea “Nur Muhammad” ternyata tidak berasas. Tulisan

Bambang itu adalah semata-mata untuk menunjukkan bahawa adanya hubungan antara Isa Al-Masih sebagai Firman Allah dengan idea “Nur Muhammad” di dalam tasawuf Islam. Pendekatan ini kemungkinan satu usaha dan bentuk penyesatan yang tersembunyi (Nurseha 2005).

Qasim Nurseha juga mengkritik tulisan Bambang Noorsena tentang Jesus Christ (Isa Al-Masih) di dalam satu tajuk *Sosok Yesus di mata Santri Jawa: Selayang Pandang Mengenal Kitab Kuning* yang dimuatkan di dalam laman web www.iscs.or.id. Qasim memulakan pandangannya dengan meringkaskan asas-asas pandangan Bambang Noorsena kepada 3 bahagian iaitu pertama berkaitan Kristologi kalimah Allah dalam al-Qur’ān dan Citra Ilahi, kedua mengenai kedudukan Isa Al-Masih, Kesucian Isa dan peranannya sebagai tauladan Kesalehan Muslim, dan ketiga adalah Sindroma Salib dan Sekitar Kematian Isa Al-Masih dalam al-Qur’ān (Nurseha 2006).

Menurut Qasim Nurseha, terdapat beberapa perkara di dalam artikel Bambang Noorsena yang perlu diteliti. Meskipun Bambang Noorsena banyak memetik buku-buku Islam klasik seperti *Tafsir Ibn Jarir al-Tabari*, *al-Jalalayn* dan *Ibn Kathir* tetapi menurut Qasim, pandangan dan idea Bambang mirip kepada pendekatan para orientalis yang banyak menimbulkan keraguan terhadap umat Islam dalam menghuraikan persoalan berkaitan dengan Islam (Nurseha 2006).

Menurut Qasim Nurseha lagi, di dalam Islam, Isa Al-Masih memiliki kedudukan yang sangat tinggi. Jadi, tidak hairanlah jika namanya disebut sebanyak 25 kali di dalam al-Qur’ān dibandingkan dengan nama Nabi Muhammad S.A.W itu sendiri. Begitu juga dengan nama Maryam yang diberi penghormatan di dalam al-Qur’ān kerana terdapat satu surah khas yang diberi nama Surah Maryam. Namun demikian, keyakinan umat Islam adalah Isa Al-Masih hanyalah seorang Rasul Allah, bukan anak Allah apalagi Allah sendiri (Nurseha 2006).

Qasim Nurseha juga mengkritik Bambang Noorsena yang kerap melakukan kesalahan semasa menukil ayat-ayat al-Qur’ān serta menggunakan bahasa Arab. Bambang tidak mengikut kaedah yang sebenar. Misalnya semasa memetik firman Allah dalam surah Ali ‘Imran, 3: 39: Yang bermaksud: Sesungguhnya Allah akan memberi khabar gembira kepadamu ( wahai Zakaria) dengan seorang anak yaitu Yahya yang akan membenarkan Firman dari Allah”. (Nurseha, tth).

Mengikut Qasim, perkataan *yubashshiruki* yang dituliskan oleh Bambang tidak benar. Sebenarnya adalah *yubashshiruka* (*damīr ‘ka* untuk lelaki) kerana

yang menjadi *khit,ab* adalah Nabi Zakaria bukan Maryam (Nurseha 2006).

Kesilapan lain yang dilakukan oleh Bambang menurut pandangan Qasim Nurseha ialah semasa Bambang merujuk *Tafsir Ibn Kathīr* yang berbunyi *lianna llahu ahyahu bi al-iman* (kerana Allah menghidupkan dia dengan iman). Dalam tempat yang lain pula Bambang menulis ayat seperti *huwa awwalu man ṣaddiqan bi ḫIsa ibn Maryam* (Dia adalah orang yang pertama membenarkan Isa anak Maryam) (Nurseha 2006).

Berdasarkan kedua-dua ayat bahasa Arab di atas, Qasim Nurseha mengatakan ianya salah dan tidak mengikut kaedah bahasa Arab yang sebenar. Misalnya ayat *lianna llahu*, sebenarnya adalah *li'anna Allāha* kerana bermula dengan huruf *anna* yang menjadi *mansub* dan ditariskan *fathah*. Demikian juga dengan ayat *huwa awwalu man ṣaddiqan bi ḫIsa ibn Maryam*, sebenarnya adalah *awwalu man ṣaddiqā* (membenarkan). Meskipun kaedah bahasa Arab ini dilihat tidak penting, namun menurut Qasim Nurseha apabila penggunaan bahasa Arab itu salah, ia boleh memberi kesan kepada pemahaman teks Arab itu sendiri (Nurseha 2006).

Selain itu, Qasim Nurseha mengkritik sikap Bambang Noorsena yang dilihat tidak berlaku adil semasa memetik kenyataan Muhammad Abduh yang berkaitan dengan pengertian ilmu kalam. Qasim juga mengkritik Bambang yang sering merujuk kepada Seyyed Hossein Nasr di dalam mengemukakan pandangan-pandangannya. Ini kerana Seyyed Hossein Nasr adalah antara pemikir yang menyeru kepada konsep *unity of religions* (kesatuan agama-agama). Pendapat ini sangat berbeza dengan ulama-ulama Islam terdahulu termasuklah ahli mutakallimin yang mana tiada seorang pun di antara mereka yang mengatakan konsep kesatuan agama-agama tersebut. Dari kenyataan ini, Qasim Nurseha merumuskan bahawa Bambang Noorsena hanya ingin memaksa umat Islam menerima kepercayaannya (Nurseha 2006).

#### ABU DEEDAD SYIHAB

Abu Deedad Syihab adalah ahli jawatankuasa bidang dakwah Majelis Ulama Indonesia (MUI). Beliau merupakan seorang tokoh Islam yang sangat tegas di dalam membanteras gerakan pemurtadan di Indonesia. Ketika ini beliau adalah pengetua Forum Antisipasi Kegiatan Pemurtadan atau lebih dikenali sebagai FAKTA iaitu satu pertubuhan bukan kerajaan yang bergerak aktif membanteras gerakan-gerakan murtad di Indonesia (Syihab 2006).

Dalam satu kenyataannya, Abu Deedad telah mengingatkan bahawa banyak aktiviti-aktiviti murtad yang wujud di dalam masyarakat Indonesia. Menurut beliau lagi, Bambang Noorsena adalah antara pendeta Kristian yang aktif melakukan gerakan Kristianisasi. Bambang Noorsena telah berjaya mengumpulkan para pengikut Kristian Ortodoks Syria, menyebarkan kaligrafi di dalam bahasa Arab yang lafaz-lafaznya telah memuji Isa Al-Masih dan beliau juga aktif di dalam menerbitkan buku-buku (Syihab 2004).

Abu Deedad berpendapat bahawa gerakan ISCS dan misi Kristian Ortodoks Syria yang dibawa oleh Bambang sebagai salah satu strategi untuk memurtadkan umat Islam di samping strategi-strategi lain yang diguna pakai oleh pendakwah-pendakwah Kristian. Ajaran-ajaran Kristian Ortodoks Syria yang hampir sama dengan Islam seperti sembahyang tujuh waktu, penggunaan kopiah dan sejahtera adalah jelas menunjukkan strategi pemurtadan. Strategi tersebut diteruskan melalui penerbitan buku dan artikel yang tajuknya mirip dengan Islam seperti *Kitabus Shalawat al-Sab<sup>c</sup>*, *Al-Masih Juru Selamatku Muslim Sahabatku*, *La ilaha illallah Tauhid dalam Perspektif Gereja Ortodoks Syria* dan lain-lain. Menurut Abu Deedad, penerbitan buku dan artikel ini mempunyai dua matlamat iaitu pertamanya adalah untuk memartabatkan ajaran Kristian yang mana mereka menggambarkan seolah-olah agama Kristian itu adalah agama yang paling benar. Keduanya adalah untuk memesangkan kefahaman umat Islam terutamanya masyarakat awam sehingga ada yang mempercayai kebenaran ajaran Kristian tersebut (Forum Antisipasi Kegiatan Pemurtadan t.th).

#### KESIMPULAN

Perbincangan ini mendapati bahawa gerakan Kristian Ortodoks Syria yang disebarluaskan oleh Bambang Noorsena di Indonesia bermula tahun 2007, mendapat pelbagai reaksi dari masyarakat terutamanya para tokoh dan intelektual Islam. Reaksi intelektual Islam terhadap Kristian Ortodoks Syria boleh dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu pertamanya adalah kumpulan yang bersetuju dan memberi sokongan, manakala kumpulan kedua pula adalah kumpulan yang menentang. Kumpulan umat Islam yang bersetuju dan memberi sokongan diwakili oleh tokoh-tokoh pluralisme agama dan Islam liberal seperti Said Aqiel Siradj, Nurcholis Madjid, Jalaludin Rahmat dan lain-lain. Sementara pihak yang menentang pula diwakili oleh tokoh-

tokoh Islam fundamental seperti Qasim Nurseha dan Abu Deedat.

Pihak Islam yang menyokong kewujudan Kristian Ortodoks Syria mendasarkan pandangannya kepada beberapa alasan antaranya, pertama, hakikatnya kedua-dua agama yakni Kristian Ortodoks Syria dan Islam adalah hampir sama, terutamanya jika dilihat dari aspek tauhid. Kedua, ajaran Kristian Ortodoks Syria dipandang lebih murni berbanding Kristian yang berkembang di Barat (Katolik dan Protestan). Ketiga, sikap saling hormat-menghormati (toleransi) antara umat Islam dan pengikut Kristian telah dicontohkan oleh generasi terdahulu. Sikap sedemikian perlu terus dikenalkan bagi terbinanya hubungan yang mesra antara para pengikut agama yang berbeza. Keempat, semua agama diberikan hak dan kebenaran yang sama secara adil bagi menyebarkan agamanya masing-masing.

Adapun pihak Islam yang menentang Kristian Ortodoks Syria mendasarkan pandangannya kepada beberapa alasan berikut, iaitu, pertama Kristian Ortodoks Syria merupakan salah satu usaha penyesatan secara diplomasi terhadap masyarakat. Kedua, Bambang Noorsena selaku pengasas gerakan Kristian Ortodoks Syria di Indonesia banyak menggunakan ḥadīth-ḥadīth *maudu'* atau palsu bagi menunjukkan superioriti (keunggulan) Jesus Christ (Isa Al-Masih) ke atas Nabi Muhammad s.a.w. Selain itu, Bambang juga kerap kali melakukan kesalahan semasa menuliskan ayat-ayat al-Qur'an. Ketiga, pandangan Bambang Noorsena mirip dengan pengajian orientalis yang banyak menimbulkan keraguan (*tasykik*) terhadap umat Islam. Keempat, pemikiran Bambang Noorsena mendokong pandangan Seyyed Hossein Nashr yang menyeru kepada konsep *unity of religions* (kesatuan agama-agama). Kelima, gerakan Kristian Ortodoks Syria dipandang sebagai salah satu strategi untuk memurtadkan umat Islam. Keenam, ajaran-ajaran Kristian Ortodoks Syria yang hampir sama dengan Islam serta penerbitan buku-buku dan artikel dipandang bertujuan untuk memartabatkan ajaran Kristian selain untuk memesangkan kefahaman umat Islam.

## RUJUKAN

- Al-Qur'an Al-Karim.*
- Anon. t.th. Public release: tantangan bagi umat Islam atas bahaya kristenisasi. *FAKTA*. <http://www.mail-archive.com/urangawak@yahoogroups.com/msg01325.html> [24 Disember 2007].
- Anon. t.th. Ke Timur mencari persamaan. <http://www.geocities.com/kosbaru/kos2.htm> [30 Ogos 2006].
- Barton, G. 1999. *Gagasan Islam liberal di Indonesia*. Terj. Nanang Tahqiq Jakarta: Pustaka Antara.
- Brown, S. F. 1991. *Christianity world religions*. United State of America: Facts On File
- Departemen Agama RI. 2005. *Al-Qur'an dan terjemahnya*. Bandung: PT Syamil Cipta Media.
- Effendi, Djohan. 2002. Harus ada kebebasan tak beragama, Dlm. Luthfi Assyaukanie (pnyt), *Wajah Islam liberal di Indonesia*. Jakarta: Jaringan Islam Liberal.
- Herry Mohammad, Sapto Waluyo, J. Eko Setyo Utomo. 1998. Kristen ortodoks Syria, upaya menemukan kembali akar, *Majalah Gatra*, edisi Mac.
- Institute for Syriac Christian Studies. 2002. Selayang pandang. <http://www.angelfire.com/journal2/iscs/index.htm> [30 Ogos 2006]
- Joseph, Thomas. 2002. History of the Syriac Orthodox Church. <http://sor.cua.edu/History/index.html> [30 Ogos 2007].
- Madjid, Norcholis. 2002. Orang beragama tak boleh dipaksa, Dlm. Luthfi Assyaukanie (pnyt), *Wajah Islam liberal di Indonesia*. Jakarta: Jaringan Islam Liberal.
- Musa, Ali Maschan. 2007. Pandangan terhadap Kristian Ortodoks Syria, Surabaya, Temu bual, 10 Januari.
- Nurseha, Qasim. 2005. Bambang Noorsena dan penyesatan tersembunyi. [http://www.hidayatullah.com/index.php?option=com\\_content&task=view&id=1738&itmid](http://www.hidayatullah.com/index.php?option=com_content&task=view&id=1738&itmid) [20 Julai 2007].
- Nurseha, Qasim. 2006. Al-Masih dalam Alquran dan Islam. <http://ibnoe-dzulhadi.blogspot.com> [20 Julai 2007].
- Noorsena, Bambang. 2001. *Menuju dialog teologis Kristen-Islam*. Yogyakarta: Andi Offset.
- Noorsena, Bambang. 2006. *Jangan sebut saudaramu kafir seputar dakwah, penginjilan & pluralitas bangsa*. Malang: Institute For Syriac Christian Studies.
- Noorsena, Bambang. 1998. *Telaah kritis terhadap Injil Barnabas asal-usul, historis dan isinya*. Yogyakarta: Yayasan Andi.
- Noosena, Bambang. 2005. *The history of Allah, asal-usul nama Allah, menguji keabsahan nama Allah, sejarah penggunaan nama Allah*. Yogyakarta: Andi Offset.
- Noorsena, Bambang. 1999. Agama anti diskriminasi dan anti kekerasan: belajar dari hubungan Kristen-Islam di Timur Tengah. Kerta kerja Seminar Sehari Anjuran *Jami'ah Mudarashah al-Qur'an* (JMQ), Pondok Pesantren al-Hikam. Malang 15 Februari
- Noorsena, Bambang. 2007. Satu Injil empat riwayat: sebuah perspektif Gereja mula-mula. Kertas Kerja dalam diskusi ISCS. Surabaya, 9 Januari.
- Noorsena, Bambang. 2005. Menelusuri keluarga kudus ke Mesir. Kertas kerja dalam diskusi ISCS. Surabaya, 7 Oktober.
- Noorsena, Bambang. 2005. Ar-Rahman, Rabb dan Allah: nama-nama ilahi dan perjumpaan Yahudi, Kristen dan Islam pada awal sejarah Islam di jazirah Arab. Kertas Kerja Forum Kajian Agama ISCS. Surabaya. 5 Ogos.

- Noorsena, Bambang. 2006. *Jangan sebut saudaramu kafir, seputar dakwah penginjilan & pluralitas bangsa*. Malang: ISCS.
- Qomar, Mujamil. 2002. *NU liberal dari tradisionalisme ahlussunnah ke universalisme Islam*. Bandung: Mizan.
- Siradj, Said Aqiel. 2001. Laa ilaha illallah juga, Dlm. Bambang Noorsena, *Dialog teologis Kristen-Islam*. hlm. 163-166. Yogyakarta: Yayasan Andi.
- Syihab, Abu Deedad. 2004. Soal aqidah tidak ada toleransi, *FAKTA*. <http://swaramuslim.net/fkta/more.php?id=22140160M> [24 disember 2007].
- Tarzi, Joseph. t.th. *Gereja orthodox Syria Anthiokhia*. Surabaya: Institute for Syriac Christian Studies.

Mu' alim  
Prof. Madya Dr. Jaffary Awang  
Jabatan Usuluddin dan Falsafah  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
e-mail: jaffary@ukm.my